

400 gajah rebah

Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my



RENJER Zamrie Zoo menembak ubat pelali pada gajah liar yang akan dipindahkan. Temerloh: Kebolehan dimiliki begitu istimewa dan buktinya sepanjang 22 tahun diberi tanggungjawab sebagai penembak ubat pelali atau bius bertujuan memindahkan gajah, lebih 400 haiwan liar berkenaan ditewaskan.

Kemahiran dikumpul bermula daripada minat itu ternyata tiada pada individu lain kerana ia memerlukan keberanian, kecerdasan dan fokus ketika melepaskan tembakan ke sasaran.

Bagi Renjer Zamrie Zoo, 47, yang kini menjangkau 28 tahun berkhidmat dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), kemahiran dimiliki adalah anugerah Allah SWT kepadanya.

Dia yang 24 tahun bertugas di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK), Kuala Gandah, Lanchang mengakui setiap tugas pasti ada cabaran tersendiri dan tidak terkecuali dirinya.

Menurutnya, tiga kali dia berdepan detik cemas dikejar gajah ketika operasi menjelak sekumpulan haiwan liar itu dalam hutan di Johor 17 tahun lalu antara pengalaman tidak dilupakan.

Katanya, episod sama berlaku empat tahun lalu apabila dia dikejar sekumpulan gajah liar ketika melakukan operasi di Kampung Gol, Jerantut.

Dia yang berasal dari Merapoh, Lipis sebelum ini pernah bertugas di Taman Negara Merapoh, selama tiga tahun sebelum ditukarkan ke PKGK sebagai mahut atau gembala gajah denak yang digunakan dalam operasi memindahkan gajah liar di Semenanjung.

Katanya, mendaki bukit dan merayau dalam hutan menjelak gajah liar antara cabaran tidak kurang hebat selama 22 tahun bertugas sebagai penembak ubat pelali gajah liar sebelum operasi memindahkan haiwan berkenaan dilakukan.

Katanya, andai tersilap langkah gajah diekori sedia menyerang apabila berasakan dirinya terancam, justeru, tumpuan dan langkah keselamatan amat penting bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

"Episod menggerunkan apabila dikejar gajah liar di hutan Johor dan Jerantut sebelum ini tidak mungkin dapat dilupakan sampai bila-bila. Dalam keadaan cemas saya sempat melarikan diri dan sembunyi di sebalik pokok besar.

"Kerjasama dalam pasukan amat penting sepanjang menjalankan tugas menjelak kumpulan gajah liar, semua langkah keselamatan perlu diberi perhatian supaya misi menangkap haiwan berhasil," katanya.

Zamrie berkata, tembakan hanya boleh dilakukan apabila berada pada kedudukan selesa dengan berselindung di sebalik pokok dan jarak 10 hingga 15 meter daripada gajah liar, tidak boleh terlalu hampir kerana haiwan berkenaan mempunyai deria bau yang kuat.

Katanya, sebelum menembak gajah liar dengan ubat pelali, beberapa langkah perlu dipatuhi, antaranya kedudukan haiwan itu dengan pokok bersaiz besar yang digunakan untuk mengikat gajah selain hampir dengan jalan.

Katanya, sukanan ubat pelali perlu dipastikan mencukupi bagi memastikan haiwan itu rebah seterusnya pengsan dalam masa 15 hingga 20 minit selepas ditembak dan dalam tempoh itu proses mengikat kaki depan gajah pada pokok bersaiz besar perlu dilakukan segera.

"Sukanan ubat pelali mengikut saiz gajah dan tembakan jarum hanya ditujukan pada bahu atau punggung haiwan itu, ketelitian dan tumpuan perlu ada ketika menembak bagi mengelak tersasar.

UBAT pelali yang digunakan untuk menembak gajah liar.



"Walaupun lebih 22 tahun pengalaman bertugas sebagai penembak pelali gajah liar, tidak dinafikan perasaan berdebar tetap ada ketika menjalankan tugas kerana sedikit kesilapan boleh mengundang banyak masalah.

"Saya bersyukur sepanjang bertugas tidak pernah berlaku perkara yang tidak diingini, sebelum melepaskan tembakan saya membaca bismillahirrahmanirrahim sambil berdoa semoga sentiasa dilindungi," kata bapa dua cahayamata perempuan itu.

Beliau berkata, pernah berlaku kejadian dia melepaskan empat das tembakan ubat pelali pada seekor gajah, mungkin kerana ketahanan badan haiwan berkenaan tinggi membolehkan dia bertahan selepas menerima tiga das tembakan sebelum itu.

Mengimbau kenangan 15 tahun lalu, Zamrie mengakui dia menembak ubat pelali pada gajah seberat empat tan di Kampung Besout, Perak.

Haiwan berkenaan terbesar pernah ditemui.

"Ketika operasi saya menggunakan senapang pelali (*drug gun*) yang tidak mengeluarkan bunyi kuat, selain itu turut menggunakan Riffle jenis .458 ketika keadaan memerlukan.

"Setiap tahun kakitangan PKGK Kuala Gandah perlu mengikuti latihan menembak yang dianjurkan Perhilitan Pahang bagi menambah kemahiran selain memperbaharui lesen menembak," katanya yang mempunyai hobi menunggang motosikal lasak.

Disiarkan pada: Mei 21, 2022 @ 7:00am